



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA
TARIKH	:	19/4/2021
JABATAN	:	TNB
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

# Libat urus pembangunan empangan Nenggiri lancar

Utusan Malaysia 19/4/2021 m/s 34

**PETALING JAYA:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa terbuka untuk mengadakan perbincangan dan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dalam semua projek pembangunannya.

Baru-baru ini, syarikat itu menyertai satu sesi libat urus anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) mengenai pelaksanaan projek empangan hidro di Nenggiri, Gua Musang, Kelantan yang diadakan bagi merungkai kegunaan kesan pelaksanaannya kepada komuniti sekitar projek itu.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn. Bhd., Datuk Nor Azman Mufit berkata, TNB komited memastikan komuniti orang asli yang terkesan dengan



pembangunan projek hidro ini bakal mendapat pembelaan serta bantuan yang sewajarnya sehingga projek ini siap sepenuhnya serta beroperasi kelak.

“Sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan yang bertanggungjawab terhadap impak Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam melaksanakan projek penajaan elektrik, TNB sentiasa memastikan setiap syarat dan peraturan ditetapkan pihak berkuasa dan pihak

kawal selia dalam melaksanakan projek penajaan dipatuhi sepenuhnya,” jelasnya dalam kenyataan semalam.

Kenyataan itu turut memaklumkan Suhakam berpuas hati dengan penerangan terperinci TNB dalam sesi libat urus yang diadakan dengan harmoni selama tiga jam pada 7 April di Kuala Lipis, Pahang.

Pesuruhjaya Suhakam, Jerald Joseph yang mempengerusikan sesi libat urus itu berkata, pihak komuniti orang asli yang terkesan diberi peluang untuk membangkitkan sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai projek ini.

“Proses keterbukaan antara semua pihak berkepentingan adalah cara penting untuk pem-

angunan berlaku berlandaskan prinsip hak asasi manusia.

“Kami mementingkan perkongsian maklumat dengan penuh keterbukaan di samping mencari cara yang lebih mesra untuk mengimbangi semua tuntutan hak pelbagai pihak berkepentingan di Malaysia,” ujarnya.

Sesi dihadiri empat anggota Suhakam; enam pemimpin komuniti orang asli di tapak projek empangan hidro iaitu dari Pos Tohoi, Pos Pulat dan Kg. Kuala Wias; 11 wakil kumpulan Jatin-gan Kampung Orang Asli Kelantan (JKOAK) serta pegawai-pegawai dari Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Kelantan, Pejabat Daerah Gua Musang, Jabatan Kemajuan Orang Asli

(Jako) dan TNB.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Pos Tohoi, Ajeih Baharom berkata, pihaknya berharap pelaksanaan projek pembangunan hidro itu dapat disegerakan kerana penduduk di ketiga-tiga perkampungan orang asli terlibat telah menunggu selama lapan tahun untuk ia dibangunkan.

“Majoriti penduduk di Pos Tohoi, Pos Pulat dan Kg. Kuala Wias telah bersetuju untuk berpindah ke penempatan baharu dan memulakan kehidupan di tempat baharu seperti yang telah dipersetujui bersama Jako, kerajaan negeri Kelantan dan juga TNB,” jelasnya.